



Bahagian A Pemahaman Teks

Baca "Pantun Dua Kerat (Nasihat)" halaman 5 dalam Antologi Kuingin Berterima Kasih, Tingkatan 1, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pantun Dua Kerat (Nasihat)

Emas, perak, ...,
... bergerak tidak merasa.

- Berdasarkan rangkap keempat pantun ini, apakah kesannya jika seseorang itu bersifat malas?
 - Tidak akan berjaya
 - Tidak ada perasaan
 - Tidak akan gembira
 - Tidak dapat bergerak
- Baris *satu memegang satu memikul* menggambarkan amalan hidup yang saling _____.
 - bersama
 - bertindak
 - berbicara
 - bekerjasama
- Persoalan yang berikut terdapat dalam pantun ini, kecuali
 - amalan hidup bermuafakat.
 - sifat malas membawa kerugian.
 - berhati-hati melakukan tindakan.
 - setiap sesuatu ada keistimewaan.
- Antara pernyataan yang berikut, yang manakah **tidak benar** tentang bentuk pantun yang diberikan?

- Rima akhirnya bebas
- Mempunyai lima rangkap
- 3 hingga 5 patah kata dalam sebaris
- Setiap rangkap mengandungi dua baris

- Pengajaran yang terdapat dalam rangkap kelima pantun ini ialah
 - kita mestilah mengamalkan sikap bermuafakat.
 - kita hendaklah sentiasa menjaga kesihatan diri.
 - kita mestilah rajin bekerja untuk kesenangan hidup.
 - kita haruslah menunjukkan kekuatan kepada orang lain.

Info KOMSAS

Pantun dua kerat mempunyai dua baris bagi setiap rangkap. Baris pertama ialah pembayang, manakala baris kedua ialah maksud. Pada bahagian pembayang, diksinya berkaitan dengan unsur alam. Rima akhir bagi pantun dua kerat ialah aa.

Aktiviti PAK-21 Gallery Walk

- Murid diberikan tugas secara berkumpulan dan mereka diminta untuk menyiapkan tugas tersebut dalam kertas sebak.
- Setiap kumpulan diminta untuk menyenaraikan tiga persoalan yang terdapat dalam pantun dua kerat.
- Murid menampal hasil kerja mereka dan ahli kumpulan lain boleh memberikan komen tentang tugas kumpulan tersebut dengan menampalkan sticky note pada kertas sebak.